



BISYOP DIOSIS

The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais

BISYOP SUFFRAGAN

- **Diosis Kawasan Timur Diosis Sabah**

The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais

- **Diosis Kawasan Barat Diosis Sabah**

The Rt. Revd. Kenneth Thien

- **Diosis Kawasan Selatan Diosis Sabah**

The Rt. Revd. John Yeo

REKTOR

The Rt. Revd. John Yeo

PEMBANTU REKTOR

Revd. Ho Kee Chung

PADERI/PASTOR

Revd. Samamadin Uloi

Revd. Alexander Nenotek

Revd. Robert Chin (Sukarela)

Revd. Chung Thau Yong (Sukarela)

Revd. Dr. Moses O. Afful Jr. (Sukarela)

Ps. Teh Chong Lay (Sukarela)

ZON BI: REV NELSON TAI ZUN BIN

- **Dewasa:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun

- **Belia:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun

- **Muda-Mudi:** Revd. Nelson Tai Zun Bin

- **Kanak-Kanak:** Doris Chin

ZON BC: REV. HO KEE CHUNG

- **Dewasa:** Revd. Ho Kee Chung

- **Belia:** Alan Chung

- **Muda-Mudi:** Yvonne Lee

- **Kanak-Kanak:** Chan Mei Yong

- **Warga Emas:** Kok Feh Ken

ZON BM:

- **Paderi Penasihat:**

Revd. Samamadin Uloi

- **SPC:** Revd. Anzen Daud

Revd. Fredoline Babiah

- **PJA:** Revd. Majelus Majar

- **Dewasa:** Revd. Anzen Daud

- **Belia:** Danny Daniel

- **Muda-Mudi:** Sendi Yunus

- **Kanak-kanak:** Meros Majar

PELAYANAN SOKONGAN

- **Penjagaan & Kasih:**

Alex Wong Chun Sang

- **Kaunseling:** Ps. Lim Bun Hui

- **Sistem Bunyi:** Jackson Samuel

- **Doa:** Chu Sui Fun

- **Pasukan Pujian:** Esther Hoo

- **Pusat Sumber:** Jeanie Hiew

STAF PENTADBIRAN

- **PA Rektor:** Annie Chiew

- **Pentadbiran:** Margaret Khong

- **Penyelenggaraan:**

Rommel Lumantas

- **Pengangkutan:**

Rommel Lumantas

- **Kebersihan:** Margaret Khong

GEREJA MISI

- **Tarakan**

Revd. Jakobus Chong

Ps. Roy Nol Simon

- **Nunukan, Sei Menggaris, Sebakis**

Revd. Martin Ataring

Revd. Ferdinan Atonis

Ps. Christinah Simon

Mesej Rektor



PENTAHBISAN

*Pada waktu itu dalam jemaat di Antiokhia ada beberapa nabi dan pengajar, yaitu: Barnabas dan Simeon yang disebut Niger, dan Lukius orang Kirene, dan Menahem yang diasuh bersama dengan raja wilayah Herodes, dan Saulus. Pada suatu hari ketika mereka beribadah kepada Tuhan dan berpuasa, berkatalah Roh Kudus: "**Khususkanlah Barnabas dan Saulus bagi-Ku untuk tugas yang telah Kutentukan bagi mereka.**" Maka berpuasa dan berdoa mereka, dan setelah meletakkan tangan ke atas kedua orang itu, mereka membiarkan keduanya pergi.*

(Kisah Para Rasul 13:1-3)

Gereja awal telah memberikan kepada kita satu teladan tentang amalan "menghususkan" dari jemaat-Nya untuk melakukan panggilan pekerjaan Allah. Hal ini dapat kita lihat dalam Kisah Para Rasul 13, kepimpinan gereja meresponi perintah Roh Kudus untuk menghususkan Barnabas dan Saulus. Dalam ketaatan, mereka berdoa, meletakkan tangan ke atas mereka, dan mengutus mereka. Tindakan pengkhususan, doa, penumpangan tangan dan pengutusan inilah yang kita kenali hari ini sebagai Pentahbisan.

Gereja Anglikan masih mengekalkan tradisi tiga peranan pelayanan (jabatan) iaitu para Bishop, Paderi, dan Diakon, yang diwarisi daripada para rasul. Oleh yang demikian, Pentahbisan merupakan suatu panggilan ilahi dan amanah suci kepada mereka yang telah Allah khususkan untuk pekerjaan kasih karunia-Nya.

Kita bersyukur kerana Bishop Datuk Melter Jiki Tais, akan mentahbiskan 11 orang saudara menjadi Diakon dan Paderi pada 26 Januari 2026 di Gereja St. Patrick (Rumah Doa), Tawau. Kebaktian akan bermula pada jam 7:30 malam.

Saya mendorong semua anggota jemaah agar hadir dalam Kebaktian Pentahbisan ini atas sebab-sebab berikut:

- ♦ Anda akan menghadiri satu kebaktian liturgi yang bermakna dan bersejarah, yang berbeza daripada kebaktian Ahad yang biasa.

Muka surat seterusnya...

Alamat: P.O. Box 279, 91007 Tawau, Sabah.

Tel: 089-772212 (Pejabat Gereja)

Email: spctawau@gmail.com | Laman Web: <https://www.hoprayer.org.my>



dari muka surat sebelah...

- ♦ Anda akan melihat seluruh tenaga kerja Diosis, iaitu Bishop Diosis, Bishop Suffragan, Archdeacon, Dean, Canon, Paderi, Pastor dan Penginjil dalam kebaktian ini.
- ♦ Kebaktian Pentahbisan terakhir yang diadakan di Gereja St. Patrick adalah pada 14 tahun yang lalu.
- ♦ Anda bukan sahaja akan menjadi saksi, tetapi turut serta dalam doa dan memberi dorongan kepada para hamba Tuhan yang akan ditahbiskan ketika mereka menyahut panggilan Allah dalam hidup mereka.

Efesus 4:11-12 berkata: *Dan lalah (Kristus) yang memberikan baik rasul-rasul maupun nabi-nabi, baik pemberita-pemberita Injil maupun gembala-gembal dan pengajar-pengajar, untuk memperlengkapi orang-orang kudus bagi pekerjaan pelayanan, bagi pembangunan tubuh Kristus.*

Pentahbisan merupakan satu kesaksian tentang anugerah Allah kepada Gereja-Nya. Oleh yang demikian, marilah kita hadir bersama-sama, beribadah dan menerima "anugerah Allah" bagi Gereja-Nya.

TAHNIAH

TAHNIAH DIKARUNIAKAN ANAK

Pihak gereja mengucapkan tahniah kepada En. Jonni Usman dan Pn. Cylla Weli kerana telah dikaruniakan seorang anak perempuan, Jazelle Reshanna Jonni pada 09 Januari 2026.

TAHNIAH PERKAHWINAN

Pihak gereja mengucapkan tahniah kepada pasangan pengantin baharu

**En. Meros Majar
&
Pn. Nurlina Mansyur**

yang sudah melangsungkan
Pernikahan Kudus mereka kelmarin.

Berita

PERJAMUAN KUDUS DI RUMAH

**21 Januari 2026 (Rabu)
8:00pagi | Gereja St. Patrick**

RETREAT DAN KONFERENSI PARA PADERI, PASTOR DAN PENGINJIL

**27- 29 Januari 2026
Gereja St. Patrick**

*Mohon dukung setiap mereka dalam
doa anda.*

CERITA DARI LADANG MISI: APA YANG ALLAH SEDANG LAKUKAN DI ASIA TENGGARA

**22 Januari 2026 (Khamis)
7:30malam | Rumah Doa**

**Penceramah:
Dean Revd. Dr. Timothy Chong**

Anda pernah mendengar tentang misi, tetapi pernahkah anda mendengar kisah-kisah di sebalik misi? Sertai Dean Timothy untuk perkongsian kisah nyata dari ladang pelayanan di seluruh Wilayah Asia Tenggara, termasuk Indonesia, Kemboja, dan tempat-tempat lain, beliau akan berkongsi bagaimana Allah sedang bekerja melalui Gereja Anglikan.

Satu malam. Kisah nyata. Impak kekal.

KEBAKTIAN PENTAHBISAN

**26 Januari 2026 (Isnin)
7:30malam | Rumah Doa**

Semua jemaah dialu-alukan
untuk hadir.



MALAM MOTIVASI ROHANI

**28 Januari 2026 (Rabu)
7:30malam | Rumah Doa**

**Penceramah:
Bishop Datuk Melter Jiki Tais**

Semua jemaah dialu-alukan
untuk hadir.

KELAS PEMBAPTISAN

**Bermula 04 Februari 2026
(Setiap Hari Rabu)
7:30malam | Aplikasi Zoom**

Anda boleh dapatkan borang dan
buku pelajaran **Permulaan Tepat 1**
(RM6 senaskah) di Pusat Sumber.
Sila kembalikan borang anda kepada
Sdri. Sutin selewat-lewatnya pada
25 Januari 2026.

PERTEMUAN PEMIMPIN SEL DEWASA, BELIA, MUDA-MUDI DAN KANAK-KANAK

**02 & 03 Februari 2026
(Isnin & Selasa)
7:30malam | Gereja St. Patrick**

NOTIS

1. Kelompok Sel Dewasa, Belia, Muda-Mudi dan Kanak-Kanak akan dimulakan kembali pada 08 Februari 2026.
2. Menara Doa akan dimulakan kembali pada 09 Februari 2026 (Hari Isnin), jam 7:30malam di Gereja St. Patrick.

SI QUIS

Dengan kasih karunia Tuhan, diumumkan bahawa saudara-saudara berikut, yang telah menyahut panggilan Tuhan, telah menyerahkan diri mereka untuk ditahbiskan ke Deakon/Paderi oleh Bishop Sabah.

A. Ditahbis menjadi Deakon

i. Stipendiary (Sepenuh Masa)

1. Pastor Andriano Bronio, Christ Church Likas
2. Pastor Marjan Anggaron, St. John's Mission, Penangah
3. Pastor Enoch Tay Nyuk Shing, Faith Christian Centre, Petaling Jaya
4. Pastor Lafir David, Faith Christian Centre, Petaling Jaya
5. Pastor Roy Nol Simon, Gereja Kristus Batu Penjuru, Tarakan, Indonesia

ii. Non-Stipendiary (Sukarela)

1. Saudara Jimmy See Teng Keng, Church of Our Holy Saviour, Labuan
2. Saudara Wong Yoon Leong, Church of Our Holy Saviour, Labuan
3. Saudara Patrus Miting, Indah Anglican Church, Sandakan

B. Ditahbis menjadi Paderi

i. Stipendiary (Sepenuh Masa)

1. Revd Peter Yohanis, Gereja Misi Pengharapan Kekal, Nabawan
2. Revd Edwin Shim Ka Heng, Heritage Anglican Church, Kota Kinabalu

ii. Non-Stipendiary (Sukarela)

1. Revd Tan Kian Chai, St. Michael & All Angels' Church, Sandakan

Dengan ini notis dikeluarkan supaya jika ada yang mengetahui sebab atau halangan yang munasabah mereka tidak harus ditahbis sebagai Deakon/Paderi, dia hendaklah menyatakannya secara bertulis kepada Bisyp Sabah.

Ini adalah pengumuman **kedua**.

TAHUN KEBANGUNAN 2026

SELURUH DIRIKU, SEGENAP UNTUK-NYA

1 YOHANES 4:9-19

Pengenalan: Kita mengasihi Allah kerana di dalam Yesus Kristus, Allah telah terlebih dahulu mengasihi kita—kasih itu dinyatakan apabila Yesus mati di kayu salib bagi kita yang berdosa. (1 Yohanes 4:9-19; Roma 5:6-10)

1. Mengasihi Allah dengan segenap jiwa kita

- Arah hidup kita

2. Mengasihi Allah dengan segenap akal budi kita

- Pertimbangan hidup kita

Kesimpulan: Roma 11:33-12:2